

04 APR 1996

Lapangan Terbang

MALAYSIA AIRPORTS AMBIL ALIH PENGURUSAN L/TERBANG SABAH DAN SARAWAK

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Malaysia Airports Berhad akan mengambil alih semua pengurusan berhubung bilik orang kenamaan (VIP) lapangan terbang di Sabah dan Sarawak seperti yang dilakukannya di Semenanjung.

Ini merupakan antara langkah Malaysia Airports bagi memastikan tiada kejadian tidak diingini berlaku terutamanya penggunaan bilik berkenaan bagi tujuan yang menyalahi undang-undang, kata Pegawai Bahagian Hal Ehwal Korporat Malaysia Airports Cik Noraini Saad hari ini.

"Malaysia Airports juga akan memastikan penggunaan bilik itu hanya terbatas kepada orang-orang kenamaan yang layak berdasarkan senarai Bahagian Protokol Kerajaan Negeri atau setelah mereka mendapatkan kebenaran khas menggunakan bilik berkenaan," katanya.

Malaysia Airports juga akan meminta kerajaan-kerajaan negeri supaya memaklumkan lebih awal mengenai urusan tempahan bilik orang kenamaan di samping memastikan setiap orang kenamaan berkenaan mematuhi peraturan yang ditetapkan semasa penggunaannya.

Ketika mengulas dakwaan penyalahgunaan bilik kenamaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu oleh Perunding Pelaburan Sabah Datuk Alfred Chin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata kerajaan akan mengkaji langkah mengetatkan pemberian status "VIP" dan penggunaan kemudahan di lapangan terbang bagi memastikan hanya mereka yang layak sahaja menggunakannya.

Noraini berkata bagi semua lapangan terbang di Semenanjung, senarai nama orang kenamaan yang layak menggunakan bilik itu disediakan oleh Bahagian Istiadat Jabatan Perdana Menteri (JPM) manakala Malaysia Airports bertanggungjawab mengendali dan mengurusnya.

Bagi lapangan terbang di Sabah dan Sarawak, senarai nama orang kenamaan akan dikeluarkan oleh Jabatan Istiadat dan Protokol di Jabatan Ketua Menteri, yang juga bertanggungjawab mengurus penggunaan bilik berkenaan.

"Malaysia Airports hanya menyediakan semua kemudahan dan peralatan di bilik berkenaan," katanya.

Ketika diminta mengulas dakwaan penyalahgunaan bilik VIP itu, Noraini berkata sehingga kini belum ada laporan mengenai penyalahgunaan kemudahan bilik-bilik VIP yang diuruskan Malaysia Airports di Semenanjung.

Menurutnya Malaysia Airports sentiasa memastikan hanya mereka yang disenaraikan oleh JPM sahaja dibenarkan masuk ke bilik-bilik berkenaan.

Minggu lepas, berita penahanan Chin di Taiwan menggemparkan seluruh negara kerana beliau didakwa menyeludup masuk beberapa pucuk senjata api dan peluru ke negara itu melalui bilik orang kenamaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. -- BERNAMA

HJ NAK